

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK • CENTRE FOR ACADEMIC MANAGEMENT

Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 18 Februari 2020

PEKELILING AKADEMIK BIL. 6/2020

Semua Pelajar Program ASASIpintar

Saudara/i,

**PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU
PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER II SESI AKADEMIK 2019-2020**

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2019-2020 akan diadakan mulai **04 Mei hingga 08 Mei 2020**.

Sehubungan itu, saudara/i diminta mengambil perhatian dan tindakan dalam urusan pengesahan kursus dan draf jadual waktu Peperiksaan Akhir Semester II Sesi Akademik 2019-2020. Urusan pengesahan kursus dan jadual waktu peperiksaan perlu dibuat melalui <http://www.ukm.my/smpweb> mulai **02 Mac hingga 15 Mac 2020**. Dalam paparan borang permohonan ini akan tersenarai kursus yang saudara/i daftar serta draf jadual peperiksaan akhir. Saudara/i dikehendaki menyemak maklumat tersebut dan mengesahkannya. Tindakan yang saudara/i perlu lakukan ialah seperti berikut:-

- a. Sekiranya semua maklumat adalah betul dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, maka saudara/i perlu mengesahkannya dengan menekan butang **SAH**.
- b. Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan atau **3 kursus berturutan dalam satu hari** maka saudara/i dikehendaki menekan butang **Bahagian Akademik** dan mencetak paparan borang tersebut. Sila catatkan kursus terlibat dan dapatkan pengesahan Fakulti. Borang tersebut hendaklah diserahkan ke **Kaunter Pusat Pengurusan Akademik** selewat-lewatnya **16 Mac 2020**.

Sekiranya saudara/i gagal membuat pengesahan atau pembetulan terhadap maklumat tersebut, maka segala butiran kursus yang dicatatkan akan dianggap betul dan lengkap. Jika saudara/i tidak hadir peperiksaan bagi kursus-kursus tersebut saudara/i akan diberi gred E (gagal). Saudara/i yang tidak membuat pengesahan juga akan dikenakan denda sebanyak **RM15.00**.

Jadual Peperiksaan muktamad akan dipaparkan dalam Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) yang boleh dicapai melalui SMPweb mulai **13 April 2020**. Pelajar dinasihatkan untuk menjelaskan semua hutang dengan Universiti untuk mengelakkan sebarang kesulitan. Sekiranya saudara/i mempunyai masalah untuk menjelaskan hutang secara sekaligus, sila berbincang dengan Bahagian Kewangan Pelajar untuk mengelakkan sebarang kesulitan.



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8025/8024/8455 Faks: +603-8911 8471 E-mel: tpakad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*



www.ukm.my

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK • CENTRE FOR ACADEMIC MANAGEMENT

Saudara/i dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan sewajarnya bagi memastikan persiapan saudara/i menduduki peperiksaan berjalan dengan lancar.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



ROHANA TAN

Timbalan Pendaftar

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.: - Timbalan Naib Canselor
(Hal-ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah
Pusat GENIUS@Pintar Negara
- Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
- Timbalan Pengarah (Sistem Pengurusan Kualiti)
Pusat Kualiti-UKM
- Ketua Penolong Pendaftar
Pusat GENIUS@Pintar Negara



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8911 8025/8024/8455 Faks: +603-8911 8471 E-mel: tpakad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities*

